



29 Mac 2019  
29 March 2019  
P.U. (A) 100

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM  
(PINDAAN) 2019

*CIVIL AVIATION (AMENDMENT) REGULATIONS 2019*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pindaan) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 30 Mac 2019.

**Pemotongan Bahagian XXIV**

2. Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 [P.U. (A) 97/2016], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memotong Bahagian XXIV.

**Kecualian**

3. (1) Program Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan atau mana-mana program keselamatan lain yang diadakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif di bawah Bahagian XXIV Peraturan-Peraturan ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini disifatkan sebagai telah diadakan di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Keselamatan) 2019 [P.U. (A) 99/2019] dan terus sah dan berkuat kuasa sehingga dikaji semula, diubah atau diganti mengikut Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Keselamatan) 2019.

(2) Apa-apa notis yang dikeluarkan atau diadakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif di bawah Bahagian XXIV Peraturan-Peraturan ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, terus sah dan berkuat kuasa sehingga dipinda atau dibatalkan mengikut seksyen 240 Akta.

Dibuat 29 Mac 2019  
[MOT.BU(S).600-5/1/11(7); PN(PU2)38/XI]

LOKE SIEW FOOK  
*Menteri Pengangkutan*

CIVIL AVIATION ACT 1969

CIVIL AVIATION (AMENDMENT) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Civil Aviation Act 1969 [Act 3], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Civil Aviation (Amendment) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into operation on 30 March 2019.

**Deletion of Part XXIV**

2. The Civil Aviation Regulations 2016 [*P.U. (A) 97/2016*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by deleting Part XXIV.

**Savings**

3. (1) The National Civil Aviation Security Programme or any other security programme established by the Chief Executive Officer under Part XXIV of the principal Regulations before the date of coming into operation of these Regulations, shall on the date of coming into operation of these Regulations, be deemed to have been established under Civil Aviation (Security) Regulations 2019 [*P.U. (A) 99/2019*] and continue to be valid and have effect until reviewed, varied or substituted in accordance with the Civil Aviation (Security) Regulations 2019.

(2) Any notice issued or established by the Chief Executive Officer under Part XXIV of the principal Regulations before the date of coming into operation of these Regulations shall, on the date of coming into operation of these Regulations, continue to be valid and have effect until amended or revoked in accordance with section 240 of the Act.

Made 29 March 2019  
[MOT.BU(S).600-5/1/11(7); PN(PU2)38/XI]

LOKE SIEW FOOK  
*Minister of Transport*